

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASAN BIN BAHAROM [ TAMPIN ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai pengetahuan menyeluruh perkara yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh persatuan - persatuan yang ada di taman perumahan (KRT) seluruh Negara, apakah Kementerian sedia maklum terdapat (KRT) tidak mempunyai kemudahan yang lengkap untuk mereka mengurus aktiviti mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah usaha memperkasakan kepimpinan komuniti berdasarkan kepada konsep kejiranan yang termaktub di bawah Akta Rukun Tetangga 2012.
2. KRT memberi penekanan kepada aspek kejiranan dan semangat komuniti, rasa kesepuhaan, kualiti hidup bermasyarakat dan penglibatan komuniti.
3. Sehingga kini, sebanyak 8,274 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan 5,333 Skim Rondaan Sukarela (SRS) telah ditubuhkan di seluruh Negara.
4. KRT juga bertindak sebagai barisan hadapan pemudahcara dan agen perpaduan untuk mengenalpasti isu dan permasalahan setempat berdasarkan inventori permasalahan rakyat.

**NO. SOALAN : 149**

5. Berdasarkan kepada Pembentangan Belanjawan 2021, jumlah peruntukan yang diterima untuk Geran Rukun Tetangga adalah RM50 juta. Peruntukan Geran Rukun Tetangga ini akan diagihkan kepada **8,333 KRT** pada tahun 2021 dengan kadar RM6,000 bagi setiap KRT (8,274 KRT sedia ada tahun 2020 + 59 KRT baharu tahun 2021).
6. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah **RM3,257,600** untuk projek pembinaan Pusat Rukun Tetangga, Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) dan Komplek Perpaduan. Manakala sebanyak **RM502,710** diperuntukkan untuk kerja-kerja pemberbaikan dan naik taraf Pusat Rukun Tetangga (PRT) dan Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah purata prestasi kehadiran murid-murid di sekolah sejak mula dibuka sepenuhnya pada Julai 2020 ; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk memastikan murid-murid tidak ketinggalan dalam sesi pembelajaran jika kehadiran merosot akibat kerisauan ibu bapa terhadap risiko jangkitan COVID-19.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak sekolah dibuka semula mulai 24 Jun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada perkara berkaitan kehadiran murid ke sekolah. Ini adalah penting bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka dengan lebih berkesan. *Dashboard* KPM dibangunkan bagi memantau kehadiran murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod KPM, purata peratus kehadiran murid ke sekolah bagi tempoh Julai hingga awal Oktober 2020 adalah sebanyak 84.18%. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa yakin dengan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak sekolah dalam memastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat di sekolah.

Dalam usaha untuk memastikan murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk kelangsungan pembelajaran semasa penularan pandemik COVID-19, KPM telah melaksanakan penjajaran kurikulum untuk semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada kecuali untuk murid tingkatan lima. Penjajaran ini melibatkan penyusunan semula kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Melalui penjajaran kurikulum ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*). Pembelajaran teradun melibatkan gabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur. KPM turut memberi bimbingan pelaksanaan kurikulum yang telah dijajarkan dalam tempoh persekolahan yang berbaki bagi tahun 2020 termasuk kunjung bantu dan penerangan secara dalam talian.

KPM juga telah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pendekatan secara dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) dan *off-site* sama ada menggunakan modul pembelajaran atau pembelajaran berasaskan projek.

KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran. Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada

## **NO. SOALAN : 150**

murid mengikut kesesuaian. Murid juga boleh menggunakan buku teks cetak sebagai bahan rujukan, penyediaan nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep. Manakala buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain daripada itu, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. KPM telah memperkenalkan semula TV Pendidikan secara terestrial bermula pada 6 April 2020. Inisiatif ini adalah untuk membantu murid yang tidak mendapat akses kepada internet atau tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran di rumah. Bermula dengan siaran selama dua (2) jam di TV Okey RTM, siaran ditambah di Tutor TV Astro selama empat (4) jam. Terkini, KPM telah memulakan siaran TV Pendidikan selama tiga (3) jam di saluran NTV7 pada 23 November 2020. Ini menjadikan keseluruhan siaran TV Pendidikan berjumlah sembilan (9) jam sehari.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan strategik yang telah dirangka oleh pihak Kementerian untuk memastikan kelancaran peperiksaan berpusat seperti Sijil Pelajaran Malaysia agar dapat diadakan dalam keadaan yang selamat dan terkawal pada tahun hadapan semasa negara masih berdepan dengan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan dalam aspek keselamatan dan kesihatan murid, guru dan warga sekolah. Dalam konteks pelaksanaan peperiksaan berpusat, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu. Garis panduan ini merangkumi panduan pengurusan pentaksiran pusat dan peperiksaan awam kepada pentaksir dan petugas peperiksaan serta pegawai pengurus peperiksaan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan 2020 pada bulan Ogos 2020. Pengurusan peperiksaan ini telah dibuat mengikut ketetapan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu dan berjalan lancar.

Setiap langkah yang diatur KPM adalah bagi memastikan generasi masa depan negara mendapat pendidikan yang terbaik walaupun dalam keadaan yang sangat mencabar. Oleh yang demikian, KPM memohon kerjasama semua pihak, termasuk murid, guru dan ibu bapa untuk bersama-sama menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menggantikan keseluruhan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kepada sistem atas talian ekoran pandemik COVID-19. Jika ya, bagaimanakah Kementerian dapat membantu murid-murid yang tinggal di luar bandar.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha untuk memastikan murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk kelangsungan pembelajaran, KPM telah melaksanakan penjajaran kurikulum untuk semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada kecuali untuk murid tingkatan lima. Penjajaran ini melibatkan penyusunan semula kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Melalui penjajaran kurikulum ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*). Pembelajaran teradun melibatkan gabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur. KPM turut memberi bimbingan pelaksanaan kurikulum yang telah dijajarkan dalam tempoh persekolahan yang berbaki bagi tahun 2020 termasuk kunjung bantu dan penerangan secara dalam talian.

KPM juga telah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pendekatan secara dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) dan *off-site* sama ada menggunakan modul pembelajaran atau pembelajaran berasaskan projek.

KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran. Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid mengikut kesesuaian. Murid juga boleh menggunakan buku teks cetak sebagai bahan rujukan, penyediaan nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep. Manakala buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain daripada itu, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. KPM telah memperkenalkan semula TV Pendidikan secara terestrial bermula pada 6 April 2020. Inisiatif ini adalah untuk membantu murid yang tidak mendapat akses kepada internet atau tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran di rumah. Bermula dengan siaran selama dua (2) jam di TV Okey RTM, siaran ditambah di Tutor TV Astro selama empat (4) jam. Terkini, KPM telah memulakan siaran TV Pendidikan selama tiga (3) jam di saluran NTV7 pada 23 November 2020. Ini menjadikan keseluruhan siaran TV Pendidikan berjumlah sembilan (9) jam sehari.

Ahli Yang Berhormat, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Antara tumpuan utama ialah meningkatkan akses internet dan pemilikan peranti oleh murid sekolah di seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

Sekian.